

08 OCT 2001

MAA-ANUITI

MAA JAMIN KONTRAK PEMEGANG POLISI TERUS SAH

KUALA LUMPUR, 8 Okt (Bernama) -- Malaysian Assurance Alliance Bhd (MAA Assurance) hari ini memberi jaminan kepada para pemegang polisi skim anuiti Kumpulanwang Simpanan Pekerja (KWSP) bahawa kontrak polisi mereka terus sah.

"Jaminan-jaminan faedah polisi-polisi itu kekal tidak berubah dan akan ditunaikan," kata ketua pegawai eksekutifnya Razman Hafidz Abu Zarim di dalam satu kenyataan di sini hari ini.

Jumaat lalu Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad mengumumkan bahawa skim anuiti KWSP akan diurusakan sepenuhnya oleh KWSP.

Skim itu diperkenalkan sebagai pilihan untuk mengadakan jaminan kewangan melalui pendapatan seumur hidup yang terjamin kepada ahli-ahli KWSP bagi tempoh selepas persaraan mereka. Ia dilancarkan pada Julai tahun lalu.

Ia dikendalikan oleh KWSP bersama-sama dengan beberapa syarikat insurans Skim itu digantung pada Mei lalu selepas bantahan kuat daripada pelbagai kumpulan termasuk Kongres Kesatuan Sekerja Malaysia (MTUC).

"Dengan kekuatan modal berbayar RM130 juta MAA Holdings Bhd, dan penyeliaan teliti dan berhemat Bank Negara Malaysia (BNM), kami akan terus menguruskan polisi anuiti menurut peraturan-peraturan dan undang-undang Akta Insurans 1996," Razman berkata.

Beliau berkata bahawa sebagai tambahan, perniagaan MAA Assurance adalah tertakluk kepada penyeliaan berhemat berterusan bank pusat.

Oleh itu, Bank Negara Malaysia akan mengawasi pematuhan berterusan terhadap Akta itu berkaitan dengan:

- * pengujudan sebuah tabung anuiti berasingan dengan polisi-polisi insurans penanggung insurans;

- * pelaburan aset-aset tabung anuiti penanggung insurans;

- * syarat-syarat modal minimum dan kebolehan membayar;

- * hak pemegang saham berkongsi lebih (atau keutnungan) yang dijana oleh tabung anuiti penanggung insurans dan peruntukan lebih dengan cara bonus; dan peraturan-peraturan berkaitan lain.

Razman juga menafikan dakwaan oleh presiden MTUC Senator Zainal Rampak bahawa tidak pernah ada pengagihan keuntungan kepada pemegang polisi.

"Malahan, tahun berakhir 31Disember 2000, kami sebelum ini telah mengumumkan perisytiharan pertama Pendapatan Pencen Bonus bernilai RM6.645 bilion. Selanjutnya, jumlah keuntungan yang diperuntukkan kepada pemegang-pemegang saham adalah kosong.

Beliau berkata bahawa MAA Assurance akan terus berusaha untuk mengumumkan setiap tahun pendapatan Pencen Bonus. -- BERNAMA

ER FR OS